

UNIT 1 : TANGGUNGJAWAB TERHADAP DIRI SENDIRI

SOALAN 2 - MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Tandakan dengan **(B)** bagi ayat-ayat yang **BETUL** dan **(S)** bagi ayat-ayat yang **SALAH**.

1. Kita hendaklah sentiasa menjaga kebersihan agar kesihatan kita terjamin. ()
2. Golongan muda tidak perlu mengamalkan gaya hidup sihat seperti bersenam. ()
3. Suasana rumah akan nyaman jika rumah kita sentiasa bersih dan kemas. ()
4. Sikap malas akan menyebabkan rumah berselerak dan kotor. ()
5. Minyak boleh dibuang di kawasan letak kereta dan longkang-longkang. ()
6. Amalan berdoa adalah suatu amalan yang tidak berfaedah. ()
7. Orang yang sering berdoa akan berasa tenang, sabar, dan tawakal dalam membuat sebarang pekerjaan. ()
8. Rakan yang baik akan mendorong kita kearah keburukan. ()
9. Kita mesti percaya sepenuhnya kepada rakan atau kawan yang baharu dikenali. ()
10. Perkataan persekitaran bermaksud kawasan sekeliling sesuatu tempat. ()

11. Rajin membersihkan persekitaran rumah akan mententeramkan fikiran. ()
12. Orang yang pandai belajar tidak perlu mengulangkaji pelajaran sebelum peperiksaan. ()
13. Kebersihan tempat membuang sampah tidak perlu di ambil perhatian. ()
14. Untuk keselamatan kita hendaklah berdoa juga berhati-hati di jalan raya supaya tidak berlaku kecelakaan atau kemalangan. ()
15. Kawan yang lalai tidak perlu disedarkan. ()
16. Peribadi seseorang itu dapat dilihat melalui cara dia mendisiplinkan diri. ()
17. Kita tidak perlu mentaati suruhan ibubapa kerana ianya hanya merugikan diri sendiri. ()
18. Orang akan suka berkawan dengan orang yang sombong dan angkuh. ()
19. Menabung dan tidak boros mengajar untuk hidup berdikari. ()
20. Orang yang tahu menguruskan masa adalah orang yang bijak. ()

[20 markah]